



JASNI MATLANI dilahirkan di Kampung Kebatu, Beaufort pada 16 November 1962, dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kebatu Beaufort sebelum menyambung pelajarannya di Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Puan Hajah Rahmah di Kota Kinabalu dan di Universiti Putra Malaysia. Beliau mulai menulis pada tahun 1980. Sehingga kini beliau telah menghasilkan lebih 20 buah buku dalam pelbagai genre penulisan termasuk novel, cerpen, puisi, drama, dokumentari, esei kritikan, buku penyelidikan dan biografi. Kebanyakan bukunya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA), Iris Publishing dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Beliau antara penulis negeri Sabah yang menerima pengiktirafan sebagai Tokoh Penyair Islam

Sabah pada tahun 2009. Beliau juga memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia bagi kategori puisi dan cerpen pada tahun 2011. Pada tahun 2014, beliau menerima Hadiah Sastera Kumpulan Utusan bagi kategori cerpen. Kini beliau menjadi Yang Dipertua Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA), Ahli Jawatankuasa Kerja Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), Ketua Chapter Malaysia bagi Perhimpunan Sastera Budaya Negara Serumpun (PSBNS) yang berpusat di Jakarta, Indonesia. Antara novel yang beliau hasilkan seperti *Cinta Lestari*, *Bok Buri*, *Burung Merak*, *Pulau Tanpa Cinta* dan enam buah antologi cerpen yang bertajuk *Dunia Iris*, *Hujan Putih*, *Negeri Malam*, *Laron*, *Cerita Kota Kami*, *Cerita Anjing*, *Monyet dan Pohon Ginkgo*, *Pemburu Merpati*, dan dua buah antologi puisi bertajuk *Tergantung Pada Kata* dan *Skrip Aneh*.